

SOALAN NO: 502

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS

SOALAN:

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) bagaimanakah mekanisme pemantauan Kerajaan terhadap pelaksanaan gaji minimum RM 1,000.00 sebulan yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016 yang melibatkan semua pekerja di sektor swasta kecuali perkhidmatan domestik (pembantu rumah); dan
- (b) tindakan Kerajaan terhadap majikan yang tidak mampu untuk membayar gaji minimum akibat daripada tidak kemampuan mereka untuk menampung kos operasi yang mungkin berpunca daripada kurangnya pelanggan ataupun keuntungan kecil seperti peniaga kedai runcit, pengusaha taska atau tadika dan penjaja kecil.

PR-1343-T77007

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan bagi memastikan setiap pekerja mendapat faedah susulan pelaksanaan dasar gaji minimum.
2. Antara tindakan-tindakan pemantauan pelaksanaan gaji minimum yang diambil oleh JTK buat masa sekarang adalah seperti berikut:
  - (i) Pemeriksaan Berkanun yang bertujuan untuk memantau majikan supaya melaksanakan gaji minimum;
  - (ii) Disamping itu juga, pihak Jabatan Tenaga Kerja turut melakukan penyiasatan terhadap aduan daripada pekerja ataupun orang awam;
  - (iii) notis pematuhan akan dikeluarkan bagi majikan yang gagal melaksanakan gaji minimum; dan
  - (iv) tindakan pendakwaan akan dibuat sekiranya notis tersebut gagal dipatuhi oleh majikan terbabit.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan sentiasa perihatin dalam memastikan dasar ini dapat dilaksanakan tanpa menjejaskan operasi pihak industri terutamanya peniaga kedai runcit, pengusaha TASKA dan penjaja kecil seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat. Antara pendekatan dan insentif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i) Dalam membantu pihak TASKA bagi melaksanakan Perintah Gaji Minimum 2016 (PGM 2016) ini, Kementerian berpandangan bahawa pihak TASKA boleh melaksanakan gaji minimum ini berdasarkan kadar gaji minimum harian dan jam seperti yang telah ditetapkan dibawah PGM 2016. Ini kerana pematuhan PGM 2016 tidak semestinya berdasarkan pembayaran gaji minimum bulanan tetapi juga berdasarkan gaji minimum harian dan jam. Namun begitu, perkara ini adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak bagi memastikan hak pekerja masih terjamin tanpa menjejaskan kelangsungan operasi TASKA;
- ii) Bagi majikan PKS yang melaksanakan gaji minimum, Kerajaan turut membuat beberapa perubahan dasar seperti pembayaran levi oleh pekerja asing dan memberi kebenaran blanket kepada majikan untuk membuat pemotongan gaji pekerja bagi kemudahan perumahan yang diberikan dengan kadar maksimum potongan RM 50.00 sebulan;

iii) Kerajaan memperkenalkan insentif bersesuaian untuk pembangunan automasi dan mekanisasi bagi meningkatkan produktiviti, pengeluaran dan secara tidak langsung mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**SOALAN : NO. 503**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) usaha Kerajaan dalam menangani penularan kegiatan penganjuran skim cepat kaya yang berselindung di sebalik pemasaran pelbagai peringkat (MLM) dalam kalangan mahasiswa universiti pada masa kini; dan
- (b) tindakan Kerajaan terhadap pelajar yang menyalahgunakan wang biasiswa dan juga wang pinjaman pengajian untuk melabur dalam skim cepat kaya ini.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Bahagian Gerakan Kepenggunaan dalam usaha memberikan kesedaran kepada mahasiswa akan hak mereka sebagai pengguna di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang aktiviti yang melanggar peraturan dan undang-undang negara berkaitan kepenggunaan.

Pada 18 hingga 19 November 2016, KPT akan bekerjasama lagi dengan pihak KPDNKK yang memberi fokus kepada Gerakan Pengguna Siswa (GPS) Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), menganjurkan Majlis Perdana Gerakan Pengguna Siswa (MPGPS) sebagai satu platform dalam mengenengahkan isu-isu kepenggunaan dan membina hubungan di antara mahasiswa IPT dengan pihak KPDNKK. KPT juga memantapkan GPS sebagai satu gerakan kepenggunaan yang baik dalam menyebarkan maklumat secara terus kepada mahasiswa.

Pelajar-pelajar di bawah penajaan KPT adalah tertakluk kepada perjanjian penajaan yang telah ditandatangani di mana pelajar tidak boleh melibatkan diri dalam apa-apa

kegiatan atau perbuatan yang boleh menjejaskan pengajian. Sekiranya didapati pelajar melanggar perjanjian seperti menyalahgunakan wang biasiswa untuk melabur dalam skim cepat kaya, kemudahan penajaan tersebut akan ditarik balik dan tuntutan ganti rugi akan dikenakan kepada pelajar.